

## Perdana Menteri kuarantin sendiri, tidak dapat hadir istiadat angkat sumpah

Syuhada Choo Abdullah - Ogos 30, 2021 @ 2:14pm  
choo@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. - FOTO BERNAMA

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, tidak dapat menghadiri Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Simpan Rahsia Menteri dan Timbalan Menteri di Istana Negara, petang ini, kerana menjalani kuarantin sendiri.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan memaklumkan, Ismail Sabri mula menjalani kuarantin sendiri, hari ini, selepas disahkan menjadi kontak rapat kepada pesakit COVID-19.

Justeru, menurut kenyataan itu, Perdana Menteri tidak dapat menghadiri istiadat berkenaan di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Sementara itu, bagi sambutan Hari Kebangsaan 2021 yang dijadualkan berlangsung di Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya, esok, Perdana Menteri akan menyertainya secara maya," katanya.

Hari ini, Istana Negara kembali menjadi tumpuan media bagi membuat liputan istiadat terbabit yang akan berlangsung pada jam 2.30 petang ini.

Seramai 31 menteri dan 38 timbalan menteri dijadualkan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Seri Paduka.

Namun Ahli Parlimen Kimanis, Datuk Mohamad Alamin yang dinamakan sebagai Timbalan Menteri Pendidikan, mengesahkan beliau dijangkiti COVID-19 dan tidak dapat menghadiri istiadat berkenaan.